Omar bin Rashid & Rakan (berniaga atas nama Syarikat Azma) dan satu lagi lwn Paneer Selvam a/l Suppiah

MAHKAMAH TINGGI (MELAKA) — RAYUAN SIVIL NO 12–64 TAHUN 2001

LOW HOP BING H

28 JANUARI 2003

Kemalangan Jalanraya *— Kecuaian — Kemalangan jalanraya — Rayuan terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen — Mahkamah perlu mempertimbangkan dua versi yang bertentangan*

Defendan-defendan telah membuat suatu rayuan terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen yang mendapati defendan-defendan bertanggungan 100% dalam kemalangan jalanraya dan memberi penghakiman kepada plaintif. Terdapat dua versi mengenai kemalangan dalam rayuan tersebut di mana plaintif mengatakan bahawa defendan kedua telah melanggarnya dari belakang, manakala defendan kedua mengatakan plaintif telah terjatuh setelah terlanggar kereta lain dan beliau telah terlanggar plaintif yang jatuh itu. Oleh itu mahkamah perlu mempertimbangkan dua versi yang bertentangan tersebut dan memutuskan versi mana yang boleh dipercayai atau tidak boleh dipercayai.

Diputuskan, menolak rayuan tersebut dengan kos:

Setelah menganalisa keterangan termasuk ekshibit-ekshibit yang dikemukakan, hakim perbicaraan yang bijaksana telah menerima versi plaintif sebagai versi yang lebih mungkin dan boleh dipercayai. Beliau telah juga memberi alasan untuk menolak cerita defendan-defendan. Pada pendapat mahkamah, hakim perbicaraan yang bijaksana telah mencapai satu keputusan yang disokong dengan keterangan dan keputusannya merupakan satu keputusan mengenai pendapat fakta. Oleh kerana hakim perbicaraan telah mencapai suatu keputusan mengenai fakta yang disokong dengan keterangan dan tidak bertentangan dengan keberatan keterangan, keputusan itu adalah teratur dan betul. Justeru itu, mahkamah ini berpendapat bahawa rayuan ini tidak bermerit dan ditolak dengan kos. Penghakiman hakim perbicaraan yang bijaksana dengan ini dikekalkan (lihat ms 470C–D, F–G).

[English summary

The defendants made an appeal against the decision of the sessions' court judge in which the defendants was found to be 100% liable in a road accident and gave judgment for the plaintiff. There were two versions of the accident in the appeal whereby the plaintiff had alleged that the second defendant had knocked him from the back, whereas the second defendant had alleged that the plaintiff had fell after

knocking the other car and he had knocked down the plaintiff who had fallen. Therefore the court had to consider the two contradicting versions and decide which version was credible or not.

Held, dismissing the appeal with costs:

After analyzing the evidence and the exhibits produced, the learned trial judge accepted the plaintiff's version as the more probable and credible version. He also gave reason to dismiss the defendant's story. The court was of the view that the learned trial judge had come to a decision supported by the evidence and his decision was a decision based on a finding of fact. As the trial judge had come to a decision based on the facts which was supported by the evidence and not contrary to the weight of the evidence, the decision was in order and proper. Hence, the court was of the view that this appeal had no merits and be dismissed with costs. The judgment of the learned trial judge therefore be sustained (see p 470C–D, F–G).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kemalangan jalanraya, lihat 11 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1996 Reissue) perenggan-perenggan 391–420.

Kes -kes yang dirujuk

Noorianti bte Zainol Abidin & Ors v Tang Lei Nge [1990] 2 MLJ 242 (dirujuk)
Renal Link (KL) Sdn Bhd v Dato' Dr Harnam Singh [1997] 2 MLJ 373 (dirujuk)
Samar bte Mansor v Mustafa Kamarul Ariffin [1974] 2 MLJ 71 (dirujuk)
Sivalingam a/l Periasamy v Periasamy & Anor [1995] 3 MLJ 395 (dirujuk)
Siti Aisha bte Ibrahim v Goh Cheng Hwai [1982] 2 MLJ 124 (dirujuk)
Tay Kheng Hong v Heap Moh Steamship Co Ltd [1964] MLJ 87 (dirujuk)
Yahaya bin Mohamad v Chin Tuan Nam [1975] 2 MLJ 117 (dirujuk)

Rayuan daripada: Guaman Sivil No 53–451 Tahun 1997 (Mahkamah Sesyen, Melaka)

Felix A Sennyah (*Sennyah & Co*) bagi pihak perayu.
KP Ranganathan (*KP Ranga & Co*) bagi pihak plaintif.

Low Hop Bing H:

Rayuan

Ini adalah suatu rayuan oleh defendan-defendan terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana yang telah pada 21 November 2001

A mendapati defendan-defendan bertanggungan 100% dalam kemalangan jalanraya pada 17 Mac 1994 di Jalan Malim Jaya, Melaka dan memberi penghakiman kepada plaintif atas jumlah RM33,000 dengan faedah 8% setahun dari tarikh penyampaian saman sehingga tarikh penyelesaian sepenuhnya dan RM779.80 sebagai kos, dengan faedah dari tarikh kemalangan 4% setahun sehingga tarikh penghakiman dan seterusnya 8%
B setahun sehingga tarikh penyelesaian sepenuhnya.

Hujah perayu (defendan)

Encik Felix A Sennyah, peguam yang bijaksana pihak perayu, berhujah
C bahawa plaintif telah menunggang motosikalnya di sebelah kanan motorlori defendan-defendan dan melanggar belakang motokar yang berada di hadapan defendan dan jatuh di laluan defendan-defendan. Beliau menambah bahawa apabila kedua-dua kenderaan menuju ke arah yang sama dan plaintif menunggang motosikalnya tiga kaki dari tepi jalan, semestinya kerosakan kepada motorlori defendan-defendan adalah di
D sebelah kiri, tetapi SP1 pegawai penyiasatan telah mengatakan bahawa 'bumper depan kanan kemek'.

Adalah juga ditegaskan oleh defendan bahawa beliau telah lihat motosikal melanggar kereta jaraknya lebih kurang 12 kaki di sebelah kanannya dan beliau tidak ingat sama ada motosikal itu tegak atau jatuh
E selepas kemalangan itu. Defendan kedua mengatakan bahawa selepas kejadian, penunggang itu ada di jalanraya di sebelah kanan. Penunggang motosikal telah tercampak di sebelah kanan lori defendan kedua.

Adalah juga dihujah bagi pihak defendan-defendan bahawa sekiranya motorlori defendan-defendan telah melanggar belakang motosikal semasa
F motosikal dalam perjalanan, tentulah motosikal tersebut ditolak ke hadapan kerana motorlori adalah kenderaan yang lebih berat.

Walau bagaimanapun, hujah-hujah tersebut tidak dikekalkan oleh mahkamah sesyen.

G *Hujah responden (plaintif)*

Encik KP Ranganathan, peguam yang bijaksana bagi plaintif berhujah bahawa rayuan defendan tidak mempunyai merit, dan mahkamah sesyen telah mencapai keputusan selepas mendengar semua saksi-saksi dan meneliti ekshibit-ekshibit.
H

Peguam plaintif menambah bahawa defendan-defendan yang memandu kenderaan di belakang plaintif diwajibkan menghadkan jaraknya kepada satu jarak yang lebih selamat dari kenderaan di hadapan, dan berhujah bahawa motorlori defendan-defendan telah menggelek (run over) motorsikal plaintif terutama keterangan plaintif bahawa motorlori
I defendan-defendan dan motosikal plaintif terletak di sebelah bahagian kiri jalanraya di mana juga terdapat kesan darah dan kesan calar yang bergaris.

Keputusan dalam rayuan ini

Setelah meneliti dan meninjau rekod rayuan, hujah-hujah dan alasan keputusan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana, adalah didapati dua versi mengenai kemalangan dalam rayuan ini di mana plaintif mengatakan bahawa defendan kedua telah melanggarnya dari belakang, manakala defendan kedua mengatakan plaintif telah terjatuh setelah terlanggar kereta lain dan beliau telah terlanggar plaintif yang jatuh itu. Dalam hubungan ini, adalah perlu untuk hakim perbicaraan yang bijaksana mempertimbangkan dua versi yang bertentangan ini dan memutuskan versi mana yang boleh dipercayai atau tidak boleh dipercayai (lihat *Noorianti bte Zainol Abidin & Ors v Tang Lei Nge* [1990] 2 MLJ 242).

Setelah menganalisa keterangan termasuk ekshibit-ekshibit yang dikemukakan, hakim perbicaraan yang bijaksana telah menerima versi plaintif sebagai versi yang lebih mungkin dan boleh dipercayai. Beliau telah juga memberi alasan untuk menolak cerita defendan-defendan. Pada pendapat saya, hakim perbicaraan yang bijaksana telah mencapai satu keputusan yang disokong dengan keterangan dan keputusannya merupakan satu keputusan mengenai pendapat fakta.

Rayuan terhadap pendapat fakta dalam sesuatu kes yang membabitkan kecuaian yang berpunca kemalangan jalanraya merupakan suatu rayuan di mana perayu perlu menunjukkan bahawa hakim perbicaraan yang bijaksana telah tersilap dalam mencapai kesimpulan dan keputusannya, seumpamanya terhadap keberatan keterangan (lihat *Samar bte Mansor v Mustafa Kamarul Ariffin* [1974] 2 MLJ 71 (FC); *Yahaya bin Mohamad v Chin Tuan Nam* [1975] 2 MLJ 117 (PC); *Siti Aisha bte Ibrahim v Goh Cheng Hwai* [1982] 2 MLJ 124 (FC); *Tay Kheng Hong v Heap Moh Steamship Co Ltd* [1964] MLJ 87 (PC); *Sivalingam a/l Periasamy v Periasamy & Anor* [1995] 3 MLJ 395 (CA); dan *Renal Link (KL) Sdn Bhd v Dato' Dr Harnam Singh* [1997] 2 MLJ 373 (CA).

Oleh kerana hakim perbicaraan telah mencapai suatu keputusan mengenai fakta yang disokong dengan keterangan dan tidak bertentangan dengan keberatan keterangan, keputusan itu adalah teratur dan betul. Justeru itu, saya berpendapat bahawa rayuan ini tidak bermerit dan ditolak dengan kos. Penghakiman hakim perbicaraan yang bijaksana dengan ini dikekalkan.

Rayuan ditolak dengan kos

Dilaporkan oleh Ezatul Zuria Azhari